


# Inside Your Blood latih pemikiran mahasiswa

## ► Cabaran pembikinan filem pendek

UB 16.12.2018 B1

**S**EMPENA Festival Skrin Digital 2018 yang berlangsung di Universiti Malaysia Sabah pada kali ini, sebuah pembikinan filem pendek 'Inside Your Blood' bergenrekan sains fiksyen oleh Genesis Production di mana ahlinya terdiri daripada 11 orang telah berjaya menghasilkan sebuah filem pendek hasil daripada usaha keras dan kerjasama yang padu daripada kalangan mereka.

Genesis Production ini yang majoritinya terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaysia Sabah menggunakan segala pengalaman dan pengetahuan yang ada sama ada semasa pra-produksi, produksi maupun pasca produksi



namun dengan bimbingan oleh pensyarah dan tutor-tutor mereka.

Semasa pembikinan filem pendek ini, segala keperluan yang diperlukan untuk


sesebuah pembikinan filem pendek seperti kamera, pencahayaan, busana dan tatarias, set dan props dan lain-lain menggunakan hasil usaha serta inisiatif mereka

sendiri.

Justeru itu, mereka juga menggunakan segala nasihat serta ilmu pengetahuan yang diberikan daripada pensyarah dan tutor-tutor kemudian diaplikasikan semasa proses produksi dijalankan.

Sepanjang pembikinan filem pendek ini juga, yang hanya dijalankan selama dua bulan lebih daripada bulan September hingga November yang lalu, mereka telah melalui banyak cabaran dan halangan.

Walaubagaimanapun, cabaran dan halangan itu tidak menjadi satu perkara yang melemahkan semangat mereka bagi produksi ini. Cabaran yang dihadapi oleh mereka yang baru bergiat di dalam dunia perfilman ini terutamanya di dalam bahagian teknikal iaitu



masalah pencahayaan di mana mereka ada membuat beberapa babak pada waktu malam melalui skrip tulisan dan idea mereka dan mereka menghadapi masalah untuk mendapatkan sumber pencahayaan tersebut yang secukupnya semasa proses pembikinan filem pendek mereka.

Cabaran itu akan lebih mencabar lagi apabila melakukan penggambaran di bahagian *outdoor*. Justeru itu, masalah penggunaan lensa kamera yang diperlukan misalnya untuk digunakan pada waktu malam bagi menghasilkan sebuah rakaman yang berkualiti dan baik. Jika kualiti sesuatu rakaman itu tidak berkualiti maka hasil sebuah filem itu pun kurang kualitinya.

Cabaran lain yang telah produksi ini hadapi antara lainnya ialah dari segi pengurusan masa. Hal ini disebabkan oleh produksi ini terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi universiti itu sendiri dan mempunyai komitmen lain seperti sesi pengajaran di dalam kelas mahupun aktiviti lain.

Cabaran ini bukan sahaja dihadapi oleh ahli-ahli pada

produksi itu tetapi juga pada para pelakon di mana mereka juga terdiri daripada kalangan mahasiswa dan mahasiswi.

Di samping itu juga, cabaran lain mereka juga adalah seperti bajet produksi di mana mereka perlu mencari inisiatif dan cara sendiri seperti mendapatkan tajaan daripada mana-mana pihak berkaitan untuk menjayakan filem pendek ini berjalan dengan lancar.

Sesuatu produksi itu tidak akan berjalan dengan lancar sekiranya tidak mempunyai bajet produksi yang secukupnya namun begitu mereka menggunakan kemahiran menyelesaikan masalah untuk menghadapi masalah sedemikian.

"Saya sebagai pengarah bagi produksi ini menganggap cabaran dan halangan yang kami hadapi ini tidak mematahkan semangat kami. Malah, menjadi pemangkin semangat bagi kami untuk terus berjuang dan menghasilkan sebuah filem pendek yang terbaik."

"Kami juga mengambilnya sebagai pengalaman yang tidak dilupakan dan melalui



JUNIL

pengalaman itu juga kami mewujudkan perpaduan antara satu dengan yang lain," kata Junil Sogoh ketika ditemubual.

Walaubagaimanapun, kesemua 11 orang ahli pada produksi ini menjadikan pengalaman ini bermakna malah perjuangan mereka tidak terhenti hanya sekadar kerja subjek wajib di universiti sahaja. Mereka juga akan memperjuangkan dan meluaskan legasi produksi mereka bukan hanya di dalam negeri Sabah ini tetapi di peringkat kebangsaan.



11 tenaga produksi untuk filem ini.